



## SIARAN MEDIA

### BAJU KEBAYA WAHANA PERPADUAN DAN IDENTITI NEGARA MALAYSIA

**Kuala Lumpur**, 25 Oktober 2023 – Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor telah mencemar duli berangkat merasmikan Pameran Rahsia Kebaya anjuran Jabatan Muzium Malaysia di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara, hari ini. Turut mengiringi, YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Pameran Rahsia Kebaya merupakan salah satu pameran sementara di Muzium Tekstil Negara yang mempamerkan keunikan, keanggunan dan kepelbagaiannya busana kebaya yang menjadi identiti nasional rakyat Malaysia. Pelaksanaan pameran ini adalah sebahagian daripada usaha Kementerian Perpaduan Negara dalam melestarikan perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum mengenai khazanah warisan negara melalui inisiatif **Ini Warisan Kita**.

**Baju kebaya merupakan antara pakaian kebangsaan rakyat Malaysia yang menjadi identiti nasional negara.** Busana ini telah dipakai sejak dahulu lagi dan kekal relevan sehingga ke hari ini sebagai warisan budaya turun-temurun yang menjadi kebanggaan rakyat negara ini. Malah, busana ini juga menjadi medium menyatupadukan kaum dan integrasi sosial menerusi budaya dan warisan yang dikongsi bersama.

Pameran ini secara eksklusifnya memperagakan sebanyak **60 koleksi baju kebaya iaitu 42 milik Jabatan Muzium Malaysia dan 18 pinjaman koleksi rakan-rakan kerjasama** antaranya Istana Perlis, Istana Selangor, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Galeri Diraja Tuanku Ja'afar, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Lembaga Muzium Negeri Perak, beberapa koleksi peribadi milik Puan Zubaidah Sual, Encik Tan Chai Cheng dan Puan Marina Linda Danker, Kebaya Pramugari MAS Airlines, Arkib Negara Malaysia dan Couture Classic.

Selain bertujuan untuk memperagakan keunikan baju kebaya, pameran ini juga diadakan untuk mendukung peranan dan usaha kerajaan dalam mengangkat dan memartabatkan **baju kebaya di bawah Senarai Nilai Budaya Warisan Kemanusiaan ke peringkat Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)**. Sebanyak lima buah negara telah menghantar Pencalonan Kebaya Bersama iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura dan

Thailand. Keputusan bagi pencalonan ini dijangka akan dimuktamadkan dalam **Sesi ke-19 Intergovernmental Committee for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage** pada tahun 2024.

Turut diadakan sempena pameran ini ialah beberapa program dan aktiviti sisipan seperti program berbentuk ilmiah iaitu program Bicara@Muzium, aktiviti hujung minggu seperti Ronggeng Berkebaya, Si Cilik Berkebaya, Origami Kebaya, *D/IY key-Chain* Kebaya, *D/IY Kerongsang* Kebaya dan Mereka Corak Busana Kebaya.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata “penganjuran pameran ini dapat mencapai objektif yang telah disasarkan dan usaha mengangkat serta memartabatkan busana kebaya sebagai warisan, budaya dan tradisi bangsa yang menjadi lambang dan identiti negara ini dapat terus dilestarikan dan dipertahankan”.

Kementerian Perpaduan Negara

25 Oktober 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 ( )